

160 sertai Persidangan Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa

UB 07-07-2012 B3

LABUAN: Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj telah menyempurnakan majlis perasmian Persidangan Penyelidikan Pendidikan Antarabangsa Labuan (LICER) 2012.

Persidangan tiga hari itu yang bermula pada 5 Julai lalu diadakan di Bilik Rafflesia, Kompleks Ujana Kewangan Labuan.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pelajaran Labuan, Mistirine Radin dan Ketua Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pelajaran Labuan, Kaziyati Othman yang juga pengerusi pengelola persidangan itu.

Program anjuran Sektor Jaminan Kualiti, Jabatan Pelajaran Labuan bertemakan "Penyelidikan Pendidikan Ke Arah Amalan Kreatif Dalam Pendidikan" itu disertai seramai 160 orang yang terdiri daripada warga

pendidik mewakili pegawai Jabatan Pelajaran Labuan, pengetua, guru besar dan guru-guru sekolah rendah dan menengah.

Dalam ucapannya, Shariff menyarankan guru supaya sentiasa mencari jalan menangani dan menyelesaikan serta penambahbaikan isu berkaitan pembelajaran dan pengajaran.

Beliau berkata, guru, pihak sekolah dan Jabatan Pelajaran Labuan wajar mencari

penyelesaian kegagalan murid mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM.

Katanya, jika semua pihak berkenaan mampu menangani dan menyelesaikan masalah itu termasuk meningkatkan prestasi murid yang gagal, ianya merupakan satu kejayaan yang sepatutnya dibanggakan.

"Banyak lagi isu yang



SHARIFF menyampaikan sijil penghargaan kepada pembentang kertas kerja diperhatikan Mistirine dan Kaziyati (kiri).

berkaitan murid seperti ponteng kelas dan sekolah, tidak menyiapkan kerja sekolah dan masalah disiplin yang sewajarnya ditangani dengan serius oleh guru, pihak sekolah, Jabatan Pelajaran dan PIBG," katanya.

Selain itu, Shariff berharap ibu bapa memberi peluang kepada anak mereka memilih sendiri bidang pengajian yang bersesuaian dengan minat dan prestasi akademik mereka bagi mendapatkan keputusan peperiksaan yang lebih cemerlang.

Ini kerana, ramai murid

yang cemerlang di sekolah rendah dan menengah gagal memperolehi keputusan yang sama di IPTA malah lebih teruk lagi turut gagal di bidang sahsiah dan kokurikulum.

"Mungkin ada kaitan dengan sistem pendidikan negara hari ini, faktor keluarga, ibu bapa, guru dan persekitaran yang menyebabkan murid gagal menyerlah ketika berada di institusi pengajian tinggi (IPT)," katanya.

Sehubungan itu, beliau mengajak semua pihak

terutama mereka yang berkaitan dengan bidang pendidikan agar duduk semeja mencari jalan penyelesaian supaya masalah kegagalan murid mampu ditangani dengan sebaik mungkin.

Shariff berkata peningkatan murid dalam peperiksaan dan sahsiah terutama murid yang sering kali dianggap lemah merupakan satu kejayaan dan kepuasan kepada guru yang sememangnya tekun, dedikasi dan bertanggungjawab serta kreatif untuk melahirkan murid yang cemerlang.



SHARIFF (lima kanan), Mistirine (empat kanan) dan Kaziyati (lima kiri) bersama pembentang kertas kerja persidangan.